

# CABARAN OPERASI DAN PEMBUKTIAN PEGAWAI PENGUATKUASA AGAMA WANITA MENURUT ENAKMEN TATACARA JENAYAH SYARIAH DAN ENAKMEN KETERANGAN MAHKAMAH SYARIAH NEGERI PULAU PINANG

*(Operational and Evidential Challenges Faced by Female Religious Enforcement Officers under the Syariah Criminal Procedure Enactment and the Syariah Court Evidence Enactment of Penang)*

<sup>i\*</sup>Mohd Asri Taib & <sup>ii</sup>Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif

<sup>i\*</sup>Pendakwa Syarie Kanan, Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Pulau Pinang, 10400 George Town, Pulau Pinang

<sup>ii</sup>Pensyarah Kanan, Fakulti Undang-Undang, 43600 UKM Bangi, Selangor

\*Corresponding author: longpasia.bubu@gmail.com

## ABSTRAK

Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) wanita memainkan peranan yang penting dalam pelaksanaan penguatkuasaan jenayah syariah, khususnya dalam kes-kes yang melibatkan orang perempuan dan memerlukan pematuhan terhadap prinsip kesopanan serta sensitiviti gender. Artikel ini bertujuan menganalisis peranan PPA wanita dalam pelaksanaan penguatkuasaan jenayah syariah di Negeri Pulau Pinang dengan memberi tumpuan kepada kerangka perundangan yang diperuntukkan di bawah Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004 dan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah kajian doktrinal yang melibatkan analisis terhadap peruntukan undang-undang, literatur akademik dan dokumen berkaitan penguatkuasaan jenayah syariah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun PPA wanita mempunyai bidang kuasa dan tanggungjawab yang setara dengan PPA lelaki, mereka berhadapan dengan pelbagai cabaran yang melibatkan aspek bidang kuasa, kompetensi dan latihan, beban tugas serta pembuktian di Mahkamah Syariah. Keterbatasan bidang kuasa tertentu, keperluan pengendalian tertuduh wanita, kekangan sumber manusia dan isu berkaitan keterangan saksi dikenal pasti sebagai antara faktor yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan tugas penguatkuasaan. Kajian ini mencadangkan penggubalan prosedur operasi standard yang lebih komprehensif, pemantapan latihan profesional, penyediaan protokol khusus bagi pemeriksaan tertuduh wanita serta pembangunan garis panduan yang lebih jelas berkaitan penggunaan keterangan wanita dalam prosiding Mahkamah Syariah. Penambahbaikan tersebut penting bagi memperkukuh peranan PPA wanita dan meningkatkan keberkesanan sistem penguatkuasaan jenayah syariah di Malaysia.

## ABSTRACT

Female Religious Enforcement Officers (REOs) play a significant role in the enforcement of Syariah criminal law, particularly in cases involving women and requiring compliance with principles of modesty and gender sensitivity. This article aims to analyse the role of female REOs in the enforcement of Syariah criminal law in the State of Penang, with particular emphasis on the legal framework provided under the Syariah Criminal Procedure Enactment (State of Penang) 2004 and the Syariah Court Evidence Enactment (State of Penang) 2004. The study adopts a qualitative approach through doctrinal legal research, involving an analysis of statutory provisions, academic literature

### Article history:

Submission date: 19 May 2026

Received in revised form: 11 June 2026

Acceptance date: 16 June 2026

### Keywords:

Bahagian Penguatkuasaan; Enakmen Jenayah Syariah; Tatacara Jenayah Syariah; Keterangan Syariah; Penguatkuasa Agama, pembuktian.

### Funding:

This research received no specific grant from any funding agency in the public, commercial, or not-for-profit sectors.

### Competing interest:

The author(s) have declared that no competing interests exist.

### Cite as:

Taib, M. A., & Arif, M. I. A. M. (2026). Cabaran Operasi Dan Pembuktian Pegawai Penguatkuasa Agama Wanita Menurut Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Dan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang. *Current Legal Issues*, 8(1), 99-109.

*and relevant documents relating to Syariah criminal law enforcement. The findings reveal that although female REOs possess powers and responsibilities equivalent to their male counterparts, they encounter various challenges relating to jurisdictional limitations, competency and training, workload, as well as evidentiary requirements in the Syariah Court. Limited jurisdictional authority, the necessity of handling female suspects, manpower constraints and issues relating to witness testimony were identified as among the factors affecting the effectiveness of enforcement duties. The study proposes the development of more comprehensive standard operating procedures, the enhancement of professional training, the establishment of specific protocols for the examination of female suspects, and the formulation of clearer guidelines concerning the use of female testimony in Syariah Court proceedings. These improvements are essential to strengthen the role of female REOs and enhance the effectiveness of the Syariah criminal law enforcement system in Malaysia.*

## PENGENALAN

Penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah di Malaysia merupakan salah satu mekanisme penting dalam memastikan pematuhan terhadap prinsip-prinsip hukum syarak dalam kalangan masyarakat Islam. Dalam konteks ini, Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) memainkan peranan utama dalam melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan seperti penyiasatan, penangkapan dan operasi serbuan. Seiring dengan perkembangan semasa, penglibatan pegawai wanita dalam bidang penguatkuasaan semakin diberi perhatian, khususnya dalam menangani kes-kes yang melibatkan pihak wanita.

Di Negeri Pulau Pinang, pelaksanaan penguatkuasaan jenayah syariah adalah tertakluk kepada peruntukan di bawah Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, peruntukan undang-undang tersebut tidak secara terperinci membezakan peranan antara pegawai penguatkuasa lelaki dan wanita, sedangkan dari sudut praktikal, penglibatan pegawai wanita adalah amat signifikan dalam memastikan pematuhan kepada prinsip kesopanan, aurat dan sensitiviti gender dalam operasi penguatkuasaan. Keadaan ini menimbulkan beberapa isu dan cabaran dari sudut pelaksanaan tugas, bidang kuasa, serta keperluan pembuktian di Mahkamah Syariah. Antaranya termasuklah kekangan dari aspek latihan, prosedur kerja, keselamatan, serta kejelasan garis panduan

yang khusus bagi pegawai wanita. Justeru, penelitian terhadap peranan dan cabaran yang dihadapi oleh PPA wanita adalah penting bagi menilai keberkesanan pelaksanaan undang-undang sedia ada.

Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis peranan Pegawai Penguatkuasa Agama wanita serta mengenal pasti isu dan cabaran yang timbul dalam pelaksanaan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Pulau Pinang. Kajian ini juga akan menilai keperluan penambahbaikan dari sudut perundangan dan pentadbiran bagi memperkukuh fungsi penguatkuasaan syariah secara lebih efektif dan berkesan.

## LATAR BELAKANG

Kewajipan mencegah kemungkaran merupakan suatu prinsip asas dalam hukum Islam yang berteraskan nas syarak. Hal ini dapat difahami melalui hadis Rasulullah S.A.W. yang diriwayatkan oleh Abu Said al-Khudri RA yang bermaksud, "Sesiapa di antara kamu melihat sesuatu kejahatan, maka hendaklah ia mengubahnya dengan tangannya, sekiranya tidak sanggup hendaklah dengan lisannya, dan sekiranya tidak sanggup hendaklah dengan hatinya yang demikian itu (mengingkarkan dengan hati) adalah selemah-lemah iman."

Hadis ini menzahirkan bahawa usaha pencegahan kemungkaran, termasuk dalam konteks jenayah syariah, adalah suatu tanggungjawab yang menuntut tindakan yang bersesuaian dengan keupayaan serta kedudukan seseorang dalam masyarakat. Prinsip ini turut diperkuatkan melalui dalil

al-Quran, antaranya firman Allah S.W.T. dalam Surah Ali 'Imran ayat 104 dan Surah al-Hajj ayat 41.

Ayat-ayat tersebut menegaskan bahawa pelaksanaan nahi mungkar bukan sahaja merupakan tanggungjawab individu, bahkan turut menjadi tanggungjawab institusi yang mempunyai autoriti. Dalam konteks pentadbiran undang-undang syariah di Malaysia, kewajipan tersebut direalisasikan melalui mekanisme penguatkuasaan yang dijalankan oleh pegawai yang dilantik secara sah oleh pihak berkuasa agama negeri. Pendekatan ini selaras dengan keperluan semasa yang menuntut agar pelaksanaan nahi mungkar dilaksanakan secara tersusun, berautoriti dan berlandaskan undang-undang.

### **PERNYATAAN MASALAH**

Penglibatan Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) wanita dalam penguatkuasaan jenayah syariah semakin signifikan selaras dengan keperluan pelaksanaan operasi yang melibatkan orang perempuan. Walau bagaimanapun, kerangka perundangan sedia ada, khususnya Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004, tidak memperincikan secara khusus skop peranan, tanggungjawab serta keperluan khas yang melibatkan PPA wanita. Ketiadaan peruntukan yang jelas berhubung pelaksanaan tugas tertentu berpotensi menimbulkan kekaburan dari sudut amalan penguatkuasaan dan pelaksanaan prosedur di lapangan.

Dalam aspek pelaksanaan tugas, PPA wanita turut berhadapan dengan pelbagai cabaran operasi yang boleh menjejaskan keberkesanan penguatkuasaan. Antara cabaran yang dikenal pasti termasuk keterhadan bidang kuasa tertentu yang diperuntukkan oleh undang-undang, kekurangan sumber manusia, keperluan bertugas di luar waktu pejabat serta beban tugas tambahan yang memerlukan keseimbangan antara tuntutan profesional dan tanggungjawab peribadi. Keadaan ini menimbulkan persoalan mengenai tahap kesediaan sistem sedia ada dalam

menyokong pelaksanaan tugas penguatkuasaan oleh pegawai wanita secara optimum.

Selain itu, aspek pembuktian di Mahkamah Syariah turut menimbulkan cabaran dalam pengendalian kes jenayah syariah. Keperluan yang berkaitan dengan pengumpulan, pengurusan dan pengemukaan keterangan hendaklah memenuhi standard yang ditetapkan oleh undang-undang keterangan syariah. Dalam keadaan tertentu, keperluan tersebut boleh menimbulkan kesukaran praktikal yang memberi kesan kepada proses pendakwaan dan pembuktian kes di mahkamah.

Sehubungan itu, penelitian terhadap isu kekaburan peruntukan undang-undang, cabaran operasi serta isu pembuktian yang dihadapi oleh PPA wanita adalah penting bagi menilai keberkesanan pelaksanaan penguatkuasaan jenayah syariah serta mengenal pasti ruang penambahbaikan dari sudut perundangan dan pentadbiran.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah temu bual secara langsung terhadap responden yang terdiri daripada Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) wanita yang berperanan sebagai Pegawai Serbuan (Raid Officer, RO) dan Pegawai Penyiasat (Investigating Officer, IO). Reka bentuk temu bual distrukturkan secara separa berstruktur dengan memberi tumpuan kepada beberapa dimensi utama yang relevan dengan kerangka perundangan dan pelaksanaan penguatkuasaan jenayah syariah.

Pertama, temu bual meneliti aspek pemahaman responden terhadap peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa, termasuk tahap penguasaan terhadap Enakmen Tatacara Jenayah Syariah dan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah, latihan yang diterima, serta kefahaman mengenai elemen-elemen pembuktian yang diperlukan dalam proses pendakwaan. Kedua, penelitian turut merangkumi cabaran operasional yang dihadapi semasa melaksanakan tugas, termasuk keperluan

bertugas secara syif dan berjaga malam, tanggungjawab sebagai pegawai bertugas (standby), kesukaran dalam pengumpulan keterangan di lapangan, serta kerumitan kes-kes yang disiasat. Ketiga, kajian ini turut mengambil kira cabaran dari sudut peribadi yang dihadapi oleh PPA wanita, khususnya dalam mengimbangi tuntutan kerjaya dengan tanggungjawab domestik dan kekeluargaan, termasuk pengurusan rumah tangga, penjagaan anak dan pasangan, serta aspek keupayaan fizikal.

## SOROTAN LITERATUR

Kajian berkaitan penguatkuasaan jenayah Syariah di Malaysia semakin berkembang dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini, namun tumpuannya masih bersifat tematik dan terpisah-pisah. Kajian-kajian terkini menunjukkan bahawa sistem penguatkuasaan jenayah Syariah berdepan dengan pelbagai *lacuna* perundangan yang ketara. Saifuddin et al. (2025a) mendapati bahawa cabaran penguatkuasaan kesalahan jenayah Syariah berkaitan akidah di media sosial berpunca daripada kelemahan struktural dalam undang-undang keterangan sedia ada yang gagal memenuhi tuntutan persekitaran digital semasa. Dalam konteks yang sama, Saifuddin et al. (2025b) meneliti perspektif Islam berhubung penahanan reman dan mendapati bahawa Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (ETJS) pelbagai negeri tidak mengandungi peruntukan yang setara dengan Kanun Prosedur Jenayah (KPJ) dari segi tempoh penahanan dan kebolehterimaan pernyataan suspek. Keadaan ini mewujudkan jurang yang ketara antara tatacara sivil dan Syariah. Penilaian kritikal Saifuddin (2021) terhadap peruntukan beban pembuktian di bawah Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah pula menggambarkan kerumitan penguatkuasaan di peringkat prosedural, khususnya apabila pegawai penguat kuasa perlu menyediakan keterangan yang memenuhi darjah pembuktian yang ditetapkan.

Dari sudut pembuktian dan keterangan, kajian semasa semakin

menumpukan perhatian kepada kedudukan *bayyinah*, *qarinah* dan saksi dalam prosiding Mahkamah Syariah. Bahori et al. (2023) yang menganalisis undang-undang jenayah Syariah berkaitan kehamilan luar nikah mendapati bahawa pihak pendakwaan menghadapi kesukaran mengumpulkan keterangan yang mencukupi memandangkan syarat-syarat syahadah yang ketat, menjadikan *qarinah* sebagai sandaran utama pembuktian. Dapatan ini disokong oleh Yahya et al. (2023) yang meneliti prinsip *chain of evidence* dalam pengendalian keterangan dokumen elektronik di Mahkamah Syariah dan mendapati bahawa ketiadaan garis panduan yang seragam menjejaskan integriti keterangan yang dikumpulkan oleh pegawai penguat kuasa. Sementara itu, Saifuddin et al. (2024) menegaskan bahawa perbezaan antara standard pembuktian undang-undang Islam dan *common law* masih menimbulkan kekeliruan dalam amalan Mahkamah Syariah, terutamanya apabila keterangan yang diperoleh melalui siasatan lapangan perlu diuji di hadapan mahkamah. Kajian terkini oleh Yahya et al. (2026) pula memperluaskan perbincangan ini dengan menganalisis peranan keterangan pakar sebagai *qarinah* berdasarkan maqasid al-Syariah serta menekankan keperluan menambah baik enakmen sedia ada bagi memperkukuhkan nilai probatif keterangan saintifik.

Dimensi gender dalam penguatkuasaan agama di Malaysia, walaupun semakin mendapat perhatian dalam wacana undang-undang Islam kontemporari, masih berada pada tahap yang terhad dari perspektif kajian empirikal. Saifuddin et al. (2025b) secara tidak langsung menyentuh persoalan keupayaan operasi pegawai penguat kuasa dalam konteks penahanan reman yang memberi implikasi terhadap pegawai wanita yang berhadapan dengan batasan fizikal dan prosedural tertentu. Kajian komparatif berkaitan peranan pegawai wanita dalam penguatkuasaan undang-undang di Malaysia menunjukkan bahawa wanita dalam pasukan

beruniform berdepan dengan cabaran berganda yang merangkumi tekanan birokrasi, persepsi masyarakat dan ruang kerja yang kurang mesra gender. Kamil et al. (2025) turut menyentuh kepentingan kecekapan pegawai Syariah dalam mengendalikan keterangan digital bagi kes ajaran sesat yang secara implisit mensyaratkan pegawai penguat kuasa, tanpa mengira jantina, memiliki kompetensi teknikal dan perundangan yang mencukupi.

Secara keseluruhannya, penelitian terhadap literatur semasa mendedahkan jurang kajian yang signifikan. Kajian-kajian terdahulu cenderung membahaskan penguatkuasaan jenayah Syariah atau undang-undang keterangan Mahkamah Syariah secara berasingan tanpa menghubungkan kedua-dua dimensi tersebut dengan realiti operasi pegawai di lapangan. Lebih ketara lagi, kajian khusus mengenai Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) wanita dalam sistem jenayah Syariah masih amat terhad dan tidak satu pun kajian yang dikenal pasti menyentuh konteks Negeri Pulau Pinang secara khusus. Hubungan antara faktor gender, cabaran operasi harian PPA wanita serta kesan langsung terhadap pembuktian dan penerimaan keterangan di Mahkamah Syariah masih belum diterokai secara mendalam. Justeru, kajian ini bertindak mengisi jurang tersebut dengan meneliti isu dan cabaran yang dihadapi oleh PPA wanita dalam konteks Enakmen Tatacara Jenayah Syariah dan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang.

Penguatkuasaan jenayah Syariah merupakan suatu fungsi yang kompleks dan mencabar kerana melibatkan interaksi secara langsung dengan individu yang disyaki melakukan kesalahan dan berpotensi menunjukkan tingkah laku agresif serta membahayakan. Oleh itu, pelantikan Pegawai Penguatkuasa Agama hendaklah berasaskan kriteria yang ketat, termasuk memiliki tahap keberanian yang tinggi, ketahanan fizikal dan mental yang mencukupi serta komitmen yang berterusan

terhadap pelaksanaan tugas penguatkuasaan selaras dengan kehendak undang-undang.

Dalam konteks Negeri Pulau Pinang, tanggungjawab untuk mengenal pasti dan mencadangkan calon PPA yang berkelayakan dan berkeupayaan terletak pada Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam. Pengarah akan mengemukakan senarai calon yang dicadangkan, yang terdiri daripada Pegawai Hal Ehwal Islam, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam dan Pembantu Hal Ehwal Islam dalam kategori Gred S (Sosial), kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang untuk tujuan pelantikan. Pelantikan tersebut diperuntukkan secara jelas di bawah Seksyen 79 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 (EPAINPP), yang memperuntukkan bahawa:

*“Majlis boleh melantik daripada kalangan anggota perkhidmatan awam am Persekutuan seorang Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama dan Pegawai Penguatkuasa Agama untuk menjalankan penyiasatan kesalahan di bawah Enakmen ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang menetapkan kesalahan terhadap rukun agama Islam.”*

Secara amnya, semua negeri di Malaysia memperuntukkan pelantikan PPA oleh Majlis Agama Islam masing-masing, walaupun terdapat perbezaan dari segi kategori perkhidmatan pegawai yang layak dilantik. PPA yang dilantik mestilah terdiri daripada pegawai Hal Ehwal Islam yang berjawatan tetap dan diberikan kad kuasa sebagai pengenalan rasmi semasa menjalankan tugas penguatkuasaan.

Seperti mana pelantikan PPA lelaki, pelantikan PPA wanita juga mengguna pakai peruntukan di bawah Seksyen 79 EPAINPP. Oleh sebab tiada undang-undang yang menghadkan pelantikan kepada lelaki sahaja, peruntukan tersebut memberikan kuasa kepada Majlis untuk melantik pegawai daripada perkhidmatan awam Persekutuan sebagai Pegawai Penguatkuasa Agama sama ada lelaki atau wanita. Pelantikan PPA wanita adalah selaras

dengan keperluan penguatkuasaan, khususnya dalam situasi yang melibatkan tertuduh wanita.

Keperluan tersebut menjadi lebih signifikan memandangkan kebanyakan kesalahan jenayah Syariah melibatkan kesalahan peribadi (*personal matter*) dan jenayah tanpa mangsa (*victimless crime*). Antara kesalahan yang diperuntukkan di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (EKJS) ialah khalwat, perbuatan tidak sopan di tempat awam, berjudi atau berada di tempat perjudian dan tidak menghormati Ramadan. Selain itu, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (EUUKI) turut memperuntukkan kesalahan seperti berkahwin tanpa kebenaran, bercerai di luar mahkamah tanpa kebenaran, mengakadnikah tanpa kebenaran dan poligami tanpa kebenaran mahkamah. Memandangkan pelaku kesalahan lazimnya melibatkan kedua-dua jantina, kehadiran PPA wanita merupakan suatu keperluan yang penting dalam pelaksanaan penguatkuasaan. Kepentingan peranan tersebut dapat dilihat melalui Seksyen 14 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (ETJS) 2004 yang memperuntukkan bahawa:

*“14(1) Orang yang ditangkap tidaklah boleh dikenakan sekatan lebih daripada yang perlu bagi mencegahnya melarikan diri. (2) Bila mana perlu untuk menyebabkan seseorang itu diperiksa, pemeriksaan itu hendaklah dibuat oleh seorang yang sama jantintanya dengan orang yang diperiksa itu dengan memberikan perhatian tegas tentang kesopanan.”*

Kehendak seksyen tersebut amat signifikan khususnya dalam keadaan yang melibatkan tangkapan terhadap tertuduh wanita. Dalam hal ini, sebarang pemeriksaan badan hendaklah dilaksanakan oleh PPA wanita. Skop pemeriksaan merangkumi pemerhatian dan pemeriksaan fizikal terhadap tubuh badan, termasuk tindakan menahan tertuduh wanita sekiranya terdapat cubaan untuk melarikan diri atau mengelakkan tangkapan. Selain itu, PPA wanita juga bertanggungjawab menemani serta

menyediakan pakaian yang sesuai kepada tertuduh wanita, terutamanya dalam situasi yang melibatkan keadaan tidak berpakaian, bagi memastikan pematuhan terhadap tuntutan kesopanan dan kehormatan.

Pelaksanaan tugas-tugas tersebut tidak boleh diserahkan kepada PPA lelaki kerana berpotensi menimbulkan tohmahan serta melibatkan sentuhan atau pemerhatian fizikal yang ditegah oleh undang-undang dan prinsip Hukum Syarak. Oleh yang demikian, walaupun peranan PPA wanita pada asasnya adalah setara dengan PPA lelaki dari segi bidang kuasa dan tanggungjawab, kewujudan mereka merupakan suatu keperluan yang tidak dapat diketepikan dalam pelaksanaan penguatkuasaan jenayah Syariah, khususnya apabila melibatkan tertuduh wanita.

## ISU DAN CABARAN

### *Cabaran Bidang Kuasa*

Cabaran yang paling asas dalam konteks penguatkuasaan jenayah syariah oleh pegawai penguatkuasa agama (PPA) wanita ialah keterbatasan bidang kuasa yang diperuntukkan kepada mereka di bawah Enakmen Tatacara Jenayah Syariah. Secara struktural, PPA hanya boleh menguatkuasakan waran dan menjalankan siasatan dalam negeri tempat pelantikan mereka dibuat, dan mereka tidak berkuasa memaksa saksi yang berada di negeri lain untuk disoal siasat (Ismail, 2016). Hal ini menimbulkan kerumitan operasional yang ketara, terutama apabila kes melibatkan individu atau keterangan yang merentasi sempadan negeri. Selain itu, kajian terhadap enakmen-enakmen jenayah syariah negeri mendedahkan pertindihan dan ketidakseragaman bidang kuasa yang ketara antara satu negeri dengan negeri yang lain (Nasohah, Zakaria & Kusrin, 2022). Implikasi langsung daripada kedudukan ini ialah PPA wanita di Pulau Pinang yang beroperasi di bawah Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Pulau Pinang berhadapan dengan jurang penguatkuasaan yang boleh dieksploitasi oleh pesalah, dan pada masa yang sama berdepan dengan

risiko tindakan undang-undang apabila berlaku kekeliruan dalam pentafsiran skop kuasa tangkap (Zakaria & Nasohah, 2019). Keterbatasan ini secara keseluruhannya menjejaskan keberkesanan penguatkuasaan jenayah syariah dan membuka ruang kepada ketidakadilan prosedural.

#### ***Kuasa PPA Terhadap***

Kesalahan yang berkaitan dengan pelanggaran rukun agama Islam telah diperuntukkan dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996 (EKJS), yang mengandungi sebanyak 57 seksyen peruntukan, termasuk 44 seksyen yang memperincikan kesalahan. Dari sudut perundangan, bidang kuasa berkaitan jenayah syariah adalah terletak di bawah kuasa negeri sebagaimana diperuntukkan dalam Jadual Kesembilan, Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan. Sehubungan itu, PPA hanya mempunyai bidang kuasa untuk melaksanakan tugas penguatkuasaan terhadap kesalahan yang berlaku dalam sempadan negeri berkenaan sahaja. Seksyen 58 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (ETJS) menyebut:

58. (1) Seseorang Pegawai Penguatkuasa Agama yang membuat suatu penyiasatan di bawah Bab ini boleh, melalui perintah bertulis, menghendaki supaya hadir di hadapannya mana-mana orang yang berada di dalam Negeri Pulau Pinang di mana dia sedang membuat suatu penyiasatan yang, daripada maklumat yang diberikan atau selainnya, didapati mengetahui hal keadaan kes itu, dan orang itu hendaklah hadir sebagaimana yang dikehendaki sedemikian.
- (2) Jika mana-mana orang itu enggan hadir sebagaimana yang dikehendaki sedemikian, Pegawai Penguatkuasa Agama itu boleh melaporkan keengganan itu kepada seorang Hakim yang boleh sesudah itu menurut budi bicaranya mengeluarkan waran untuk memastikan kehadiran orang itu sebagaimana yang dikehendaki oleh Pegawai Penguatkuasa Agama itu.

Peruntukan seksyen tersebut memperuntukkan kuasa kepada PPA yang menjalankan siasatan kes jenayah untuk menghendaki kehadiran mana-mana orang atau saksi bagi tujuan membantu siasatan melalui pengeluaran suatu perintah bertulis. Walau bagaimanapun, skop kuasa yang

diberikan adalah terhadap kepada individu yang berada dalam Negeri Pulau Pinang sahaja. Frasa "mana-mana orang yang berada di dalam Negeri Pulau Pinang" secara jelas mengehendkan bidang kuasa PPA daripada memanggil saksi yang berada di luar negeri tersebut.

Keterhadan bidang kuasa ini memberi implikasi praktikal terhadap keberkesanan siasatan, khususnya apabila terdapat saksi material yang berada di luar Negeri Pulau Pinang. Dalam keadaan sedemikian, saksi yang mempunyai keterangan relevan boleh enggan mematuhi perintah kehadiran tanpa sebarang akibat penguatkuasaan, memandangkan PPA tidak mempunyai kuasa untuk memaksa kehadiran mereka melalui waran tangkap.

Peruntukan seksyen 58(2) ETJS memperuntukkan bahawa sekiranya seseorang atau saksi yang dipanggil enggan mematuhi perintah kehadiran, PPA hendaklah memaklumkan keengganan tersebut kepada mahkamah dan seterusnya boleh memohon pengeluaran waran tangkap. Walau bagaimanapun, dari sudut pelaksanaan, timbul isu berkaitan keupayaan PPA wanita dalam melaksanakan waran tangkap yang diperoleh daripada mahkamah. Dalam keadaan tertentu, PPA wanita terpaksa mendapatkan bantuan daripada PPA lelaki bagi melaksanakan tangkapan tersebut, terutamanya apabila individu yang hendak ditangkap ialah seorang lelaki.

#### ***Cabaran Kompetensi dan Latihan***

Keberkesanan PPA wanita dalam menjalankan tugas penguatkuasaan jenayah syariah turut bergantung kepada tahap kompetensi dan kelayakan profesional mereka. Kajian mendapati bahawa majoriti PPA yang dilantik adalah dalam kalangan graduan pengajian agama yang memiliki asas ilmu syariah yang kukuh, namun kekurangan dari aspek kemahiran teknikal penguatkuasaan seperti risikan lapangan, pengendalian orang yang disyaki (OYDS), dan penyediaan kertas siasatan yang memenuhi piawaian mahkamah syariah (Zakaria & Nasohah, 2019). Kekurangan ini

menjadi lebih ketara apabila PPA wanita terpaksa mengendalikan kes-kes sensitif yang melibatkan mangsa wanita dalam kesalahan berkaitan kesusilaan dan akhlak, yang memerlukan pendekatan berpusatkan mangsa (*victim-centred approach*) serta kemahiran temubual yang khusus. Ismail (2016) dalam analisisnya terhadap tatacara penguatkuasaan syariah menegaskan bahawa ketiadaan modul latihan bersepadu yang menggabungkan elemen *fiqh jinayat* dengan prosedur pentadbiran undang-undang menyebabkan PPA beroperasi dengan asas teknikal yang tidak seragam. Keadaan ini secara langsung mengurangkan kualiti keterangan dan laporan siasatan yang dihasilkan oleh PPA wanita, sekali gus melemahkan rantai pembuktian dalam prosiding mahkamah syariah.

#### ***Beban Tugas Pegawai Penguatkuasa Agama Wanita***

Dimensi gender dalam beban tugas PPA wanita merupakan satu realiti institusional yang sering diabaikan dalam perbincangan dasar. PPA wanita bukan sahaja dipertanggungjawabkan dengan tugas penguatkuasaan lapangan yang berisiko, malah mereka secara lazimnya dijangkakan memikul peranan tambahan sebagai penghubung sosial bagi mangsa wanita yang enggan atau keberatan berurusan dengan pegawai lelaki (Ismail, 2014). Tekanan dwi-peranan ini merupakan di antara tuntutan penguatkuasaan yang bersifat teknikal-undang-undang dan sensitiviti gender dalam pendekatan kepada mangsa yang menghasilkan beban kerja yang tidak setara berbanding rakan sejawat lelaki. Kajian Wan Muhammad (2022) tentang pegawai wanita dalam institusi kehakiman syariah Malaysia mendapati bahawa pegawai wanita kerap menghadapi tekanan peranan yang tidak seimbang, sebahagiannya berpunca daripada jangkakan peranan yang tidak diformulasikan secara rasmi dalam mana-mana garis panduan institusional. Situasi ini, apabila ditambah dengan kekurangan sokongan institusional yang berstruktur, berpotensi menjejaskan konsistensi dan ketepatan pengumpulan

bukti oleh PPA wanita dalam operasi penguatkuasaan jenayah syariah di Pulau Pinang.

#### ***Cabaran Pembuktian dan Kedudukan Wanita sebagai Saksi***

Isu pembuktian dan kedudukan wanita sebagai saksi dalam prosiding jenayah syariah merupakan cabaran yang paling kompleks dan mempunyai implikasi terus terhadap kredibiliti tugas PPA wanita dalam kapasiti mereka sebagai pemberi keterangan. Keperluan berkaitan bilangan serta kualiti saksi sebagaimana diperuntukkan dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004 menimbulkan cabaran yang signifikan dalam aspek pembuktian kes di Mahkamah Syariah. Seksyen 86(5) EKMS menyebut:

(5) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam seksyen ini, keterangan hendaklah diberikan oleh dua orang saksi lelaki atau oleh seorang saksi lelaki dan dua orang saksi perempuan.

Peruntukan tersebut mensyaratkan bahawa sesuatu pembuktian hendaklah disokong oleh keterangan dua orang saksi lelaki atau seorang saksi lelaki bersama dua orang saksi wanita. Kehendak ini secara praktikal menimbulkan kesukaran dalam konteks penguatkuasaan jenayah syariah, khususnya semasa pelaksanaan operasi dan tangkapan, yang tidak semestinya memenuhi komposisi saksi sebagaimana diperuntukkan dalam Seksyen 86(5) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004.

Keperluan yang mensyaratkan kehadiran saksi lelaki dalam setiap kes dilihat sebagai suatu ketetapan yang sukar dilaksanakan serta tidak selaras dengan realiti pelaksanaan penguatkuasaan. Dalam konteks pembuktian, prinsip asas yang lebih wajar diberi penekanan ialah kompetensi saksi, iaitu saksi yang mempunyai pengetahuan langsung terhadap fakta kes melalui penglihatan atau pendengaran. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang, selaras dengan prinsip *bayyinah* dan *syahadah* dalam fiqh Islam, memperuntukkan syarat-syarat kesaksian yang berbeza mengikut jenis kesalahan,

termasuk kesalahan *had* seperti *zina* (Kamali, 2008). Mohd Rapini (2019) dalam kajian analitikal terhadap kes-kes mahkamah syariah di Malaysia mendapati bahawa tiada halangan substantif terhadap penerimaan keterangan wanita secara umum, namun pemakaian yang tidak seragam di pelbagai negeri masih menimbulkan ketidaktentuan prosedural. Baderin (2003) pula berhujah bahawa tafsiran kontemporari terhadap hukum keterangan Islam tidak boleh diasaskan kepada pendekatan yang bersifat reduksionis, dan perbezaan dalam syarat kesaksian tidak wajar ditafsirkan sebagai pengurangan nilai keterangan wanita secara mutlak. Persoalan ini mempunyai implikasi praktikal yang serius: laporan penguatkuasaan yang disediakan oleh PPA wanita berpotensi dicabar dari sudut kedudukan dan kebolehterimaan keterangan, terutama dalam kes-kes yang memerlukan dua orang saksi adil atau memenuhi syarat-syarat *syahadah* yang ketat. Keperluan untuk harmonisasi antara tafsiran fiqh klasik dengan realiti penguatkuasaan moden adalah mendesak bagi memastikan keterangan PPA wanita diterima sepenuhnya sebagai bukti yang sah dan muktamad di mahkamah syariah.

### CADANGAN

Bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan tugas Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) wanita, satu Prosedur Operasi Standard (SOP) yang lebih komprehensif dan seragam wajar dibangunkan khususnya bagi melibatkan aspek siasatan, pemanggilan saksi, pengumpulan keterangan dan pelaksanaan operasi penguatkuasaan. SOP yang jelas dapat membantu mengurangkan ketidakseragaman dalam amalan penguatkuasaan serta memastikan pematuhan kepada kehendak undang-undang dan prosedur yang ditetapkan.

Selain itu, latihan berterusan perlu diberikan kepada PPA, khususnya dalam aspek penyiasatan jenayah syariah, pengendalian bahan bukti, penyediaan

kertas siasatan dan pemahaman undang-undang keterangan. Latihan yang sistematik mampu meningkatkan tahap kompetensi pegawai dan seterusnya memperkukuh keberkesanan pendakwaan di Mahkamah Syariah.

Bagi operasi yang melibatkan tertuduh wanita, satu protokol pemeriksaan dan pengendalian tertuduh wanita yang lebih terperinci perlu diwujudkan. Protokol tersebut hendaklah merangkumi tatacara pemeriksaan badan, pengurusan privasi, pemeliharaan maruah tertuduh serta peranan khusus PPA wanita dalam setiap peringkat penguatkuasaan. Langkah ini penting bagi memastikan pelaksanaan tugas berjalan selaras dengan kehendak hukum syarak dan prinsip hak asasi.

Di samping itu, garis panduan yang lebih jelas berkaitan penggunaan dan penilaian keterangan wanita dalam prosiding Mahkamah Syariah juga wajar dipertimbangkan. Garis panduan tersebut dapat membantu mengelakkan kekeliruan dalam kalangan pegawai penguat kuasa dan pengamal undang-undang, di samping memastikan aspek kompetensi dan kerelevanan keterangan diberikan perhatian sewajarnya dalam proses pembuktian. Pelaksanaan cadangan-cadangan ini dijangka dapat memperkukuh peranan PPA wanita serta meningkatkan keberkesanan sistem penguatkuasaan jenayah syariah secara keseluruhannya.

### KESIMPULAN

Pegawai Penguat Kuasa Agama (PPA) wanita memainkan peranan yang signifikan dalam sistem penguatkuasaan jenayah syariah, khususnya dalam menangani kes-kes yang melibatkan sensitiviti jantina dan keperluan prosedur yang memerlukan kehadiran pegawai wanita. Sehubungan itu, mereka perlu dilengkapi dengan latihan yang komprehensif merangkumi aspek fizikal, penguasaan undang-undang serta pembangunan profesionalisme yang berterusan. Selain itu, pengukuhan sokongan institusi serta penambahbaikan dalam

pengurusan sumber manusia merupakan faktor penting dalam memastikan keberkesanan peranan PPA wanita. Hal ini termasuk aspek penempatan, kebajikan, peluang kenaikan pangkat serta penyediaan persekitaran kerja yang kondusif.

Dengan pendekatan pengurusan yang lebih tersusun dan berasaskan merit, PPA wanita berupaya memberikan sumbangan yang signifikan dalam memperkukuh pelaksanaan undang-undang syariah di Malaysia. Dalam masa yang sama, kerangka perundangan turut memainkan peranan penting dalam memastikan kelancaran proses penguatkuasaan dan pendakwaan kes jenayah syariah. Oleh itu, penambahbaikan undang-undang secara berterusan adalah perlu bagi memastikan sistem penguatkuasaan jenayah syariah kekal relevan, berkesan dan diyakini.

## RUJUKAN

- Abdul Monir Yaacob. (2015). Pelaksanaan undang-undang Syariah di Malaysia: Cabaran dan prospek. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, 9, 1–15.
- Ahmad Hidayat Buang. (2007). *Undang-undang Islam di Malaysia: Prinsip dan amalan*. Universiti Malaya.
- Baderin, M. A. (2003). *International human rights and Islamic law*. Oxford University Press.
- Bahori, A., Mat Rashid, A., Yahya, M. A., Saifuddin, S., & Mat Salleh, M. K. (2023). Evidence and prosecution of out-of-wedlock pregnancies: A legal perspective of Syariah criminal offences in Malaysia. *UUM Journal of Legal Studies*, 14(1), 1–30.
- Dr Shamrahayu A. Aziz. (2016). *Isu penguatkuasaan undang-undang jenayah Syariah di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang).
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang).
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996.
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004.
- Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang).
- Ismail, S. Z. (2014). Hudud dan undang-undang jenayah Syariah dalam kerangka perlembagaan dan sistem perundangan dualisme: Komitmen pelaksanaan ke arah membendung jenayah di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 22(2), 193–212.
- Ismail, S. Z. (2016). *Undang-undang tatacara jenayah Syariah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamil, K. M. M., Yahya, M. A., Arif, M. I. A. M., Shariff, A. A. M., Hassan, M. S., & Adenan, F. (2025). Application of qarinah and cyber document evidence in deviant teaching cases. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 34(4), 15–24.
- Kamali, M. H. (2008). *Shari'ah law: An introduction*. Oneworld Publications.
- Kompetensi dan prestasi pegawai sulh wanita dalam mengendalikan kes mal di Mahkamah Syariah [Competency and performance of female sulh officers in handling civil cases in Syariah courts]. (2022). *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 23(1), 309–322.
- Mohd Rapini, A. (2019). Status keterangan saksi wanita di Mahkamah Syariah: Analisis kes dan amalan semasa. *Journal of Muwafaqat*, 2(2), 18–32.
- Nasohah, Z., Zakaria, Z. I., & Mohd Kusrin, Z. (2022). Cabaran penyeragaman undang-undang jenayah Syariah di Malaysia. *International Journal of Islamic Thought*, 22, 146–159.
- Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan, Senarai Negeri.
- Raihanah Azahari. (2004). Pembuktian dalam kes jenayah Syariah di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 12(2), 1–20.
- Saifuddin, S. (2021). Peruntukan beban pembuktian di bawah Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah:

- Satu penilaian. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, 28, 78–91.
- Saifuddin, S., Ali Tajuddin, H. H., & Hashim, F. Y. (2025a). Meneroka perspektif Islam berhubung dengan penahanan reman dan penambahbaikan undang-undang tatacara jenayah Syariah di Malaysia. *Akademika*, 95(1), 477–495.
- Saifuddin, S., Ali Tajuddin, H. H., Yahya, M. A., Abd Rahman, M. R., & Hashim, F. Y. (2024). Examining the application of standard of proof in criminal cases: A comparative analysis of Islamic law and common law in Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 12(1), 11–22.
- Saifuddin, S., Ali Tajuddin, H. H., Mohd Arif, M. I. A., al-Maslamawi, F. A. R. A., & Sefriani. (2025b). The challenges of enforcement for Syariah criminal offences pertaining to aqidah on social media. *Islāmiyyāt*, 47(1), 194–204.
- Siti Aisyah Abidin, Zabidi, A. M., Shamsudin, S. I., Mohs Shah, N. A., & Hussain, Z.-K. (n.d.). *Cabaran pegawai penguatkuasa agama (PPA) dalam menguatkuasakan undang-undang jenayah Syariah di Negeri Perak*. Universiti Sultan Azlan Shah.
- Wan Abdul Fatah Wan Ismail. (2010). Keterangan dalam undang-undang Syariah: Satu analisis. *Jurnal Fiqh*, 7, 45–60.
- Yahya, M. A., & Samuri, M. A. A. (2019). Punca kuasa dan bidang kuasa pegawai penguatkuasa agama Islam berkaitan Enakmen Kawalan Pengembangan Agama Bukan Islam kepada Orang Islam di Malaysia. *UMRAN: Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 6(1), 79–101.
- Yahya, M. A., Mohd Shariff, A. A., & Saifuddin, S. (2023). Application of principles of chain of evidence and chain of custody during storage and forensic examination of electronic documentary evidence in Syariah criminal cases in Malaysia. *IIUM Law Journal*, 31(S1), 143–164.
- Yahya, M. A., Mohd Shariff, A. A., Mohd Arif, M. I. A., Abd Rahman, M. R., Nasri, M. S., & Tuan Ibrahim, T. M. F. H. (2026). Peranan keterangan pakar dalam pembuktian kes Mahkamah Syariah: Analisis berdasarkan qarinah dan maqasid al-Syari'ah. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 14(1).
- Zakaria, Z. I., & Nasohah, Z. (2019). Cabaran pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang jenayah Syariah di Negeri Melaka. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 7(2), 13–26.